

13 MAY 1997

MAHATHIR: MALAYSIA AKAN BANTU IRAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan menghantar bantuan kepada mangsa gempa bumi di Iran.

Katanya, jumlah sumbangan yang akan dihantar masih belum ditentukan.

"Kita akan hantar seperti biasalah, tetapi jumlahnya belum ditentukan lagi," katanya kepada pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen di sini.

Iran yang dilanda bencana gempa bumi beberapa hari lepas merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa bencana itu.

Gempa bumi itu dilaporkan agensi mengakibatkan kerugian kira-kira AS\$150 juta (RM375 juta) kepada negara itu.

-- BERNAMA

NI AHH